

Kawalan elektronik lancar aliran trafik

KUALA LUMPUR: Jalan dan lebuhraya utama di Malaysia mungkin dikawal secara elektronik untuk melancarkan aliran trafik, sementara kenderaan sehingga yang paling kecil, boleh dipasangkan dengan Sistem Kedudukan Global (GPS) untuk panduan kepada pemandu ke destinasi mereka.

Ideanya mungkin dilihat tidak meyakinkan, sekurang-kurangnya untuk sekarang, tetapi bagi Menteri Kerajaan, Datuk Seri S Samy Vellu, ia boleh apabila Pelan Induk Sistem Penganjutan Pintar (ITS) dilaksanakan tidak lama lagi.

"Kita sedang mengkaji untuk menggunakan ITS dalam aspek yang

lebih besar. Kini ia lebih kepada dasar sementara seperti sistem pungan tol elektronik dan petunjuk mesej pelbagai (VMS)," katanya kepada *Bernama*, semalam.

Samy Vellu mengetuai 10 anggota delegasi ke Kongres ITS Dunia ke-13 selama lima hari di London. Anggota delegasi itu termasuk Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Datuk Mohd Noor Yaakob; Pengarah Unit Perancangan Lebuhraya Kementerian itu, Amir Kassim dan Pengarah Urusan PLUS Berhad, Datuk Idrose Mohamad.

Sementara sistem GPS yang didapati di kebanyakan kenderaan berkuasa tinggi, di Malaysia penggu-

naannya belum lagi diterima dengan meluas kerana kekurangan infrastruktur teknologi.

"Ini akan diatasi sebaik kita ada Pelan Induk ITS," katanya tanpa memberikan tarikh tetap pelaksanaan.

Samy Vellu yang juga Pengerusi Majlis ITS berkata, Pelan Induk ITS bertujuan membangunkan satu 'Pelan Damai' yang komprehensif ke arah menyediakan hala tuju dan rangka kerja untuk penerangan permohonan ITS di Malaysia dalam 10 tahun akan datang.

Pelan itu juga dicadangkan empat fokus strategi dalam Program Penerangan, iaitu pengenalan projek ITS yang dicadangkan, peletakan koridor

dan pengenalan projek, pengenalan projek strategik, peletakan koridor ITS kebangsaan dan pengenalan bidang keutamaan untuk meningkatkan penerangan ITS.

Alat ITS termasuk lampu isyarat penyelarasan elektronik pada lampu jalan, tanda makluman pelbagai yang besar, tanda pelbagai dengan saiz besar untuk memaklumkan kepada pemandu mengenai keadaan jalan di hadapan, bentuk jalan sehalu, alat GPS di kereta dan trak serta penyiar radio menghebahkan keadaan jalan.

"Teknologi ini boleh berkesan di jalan tempatan, di tengah pusat bandar serta maklumat berkaitan lebuhraya," katanya. - *Bernama*

RH-16/10/2006